



KENYATAAN MEDIA

JAWATANKUASA KHAS PELAN STRATEGIK HALA TUJU KUMPULAN FELDA 2025–2030 (JAWATANKUASA KHAS HTF30)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Jun 2025 telah memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Pelan Strategik Hala Tuju Kumpulan FELDA 2025–2030 (Jawatankuasa Khas HTF30) bagi mengkaji dan meneliti pelan strategik yang telah disediakan oleh pihak FELDA.

Sejak penubuhan Jawatankuasa Khas HTF30, sebanyak enam (6) siri mesyuarat telah diadakan bersama pihak-pihak berkaitan termasuk FELDA bagi meneliti dan mengkaji aspek berkaitan hala tuju strategik, operasi, kedudukan kewangan, struktur organisasi dan tadbir urus Kumpulan FELDA.

Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa Khas HTF30 sedang meneliti perkara-perkara seperti berikut, antaranya:

- a) Status penyahsenaraian FGV Holdings Berhad serta pembentukan Model Perniagaan baru untuk mencapai kelestarian dan kemandirian FELDA;
- b) Cadangan Model FELDA Baharu yang turut menyentuh tanggungjawab FELDA terhadap peneroka dan generasi seterusnya;

- c) Isu kelemahan tadbir urus dalam pembelian/pelaburan lapan (8) aset seperti yang terkandung dalam Kajian Forensik Kertas Putih Ke Arah Kelestarian FELDA yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019; dan
- d) Isu premium tanah tertunggak, pendaftaran hak milik dan kedudukan tanah dengan Kerajaan Negeri.

Jawatankuasa Khas HTF30 hanya berperanan sebagai badan penasihat (*advisory body*), yang mana tanggungjawab fidusiari kekal pada Lembaga Pengarah dan pengurusan FELDA serta anak-anak syarikat di bawah Kumpulan FELDA selaras dengan struktur tadbir urus sedia ada.

Satu laporan interim yang mengandungi hasil kajian dan cadangan-cadangan penambahbaikan oleh Jawatankuasa Khas HTF30 akan dikemukakan untuk pertimbangan YAB Perdana Menteri pada penghujung bulan ini.

Jawatankuasa Khas Pelan Strategik Hala Tuju Kumpulan FELDA 2025–2030

**Senarai Ahli Jawatankuasa Khas Pelan Strategik Hala Tuju Kumpulan
FELDA 2025- 2030**

- i. YBhg. Datuk Seri Panglima Ahmad Fuad bin Md Ali
Pengerusi
- ii. YBrs. Dr. Nungsari Ahmad Radhi
Pengerusi Bersama

Ahli Tetap

- iii. YBrs. En. Nurhisham bin Hussein
Wakil Pejabat Perdana Menteri
- iv. Wakil Kementerian Kewangan
- v. Wakil Kementerian Ekonomi
- vi. Wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
- vii. Wakil Bahagian Kawal Selia FELDA, Jabatan Perdana Menteri
- viii. Wakil Pakar Audit (Ernst & Young PLT Malaysia)
- ix. Wakil Pakar Undang-Undang (Tetuan Mohamad Hanafiah Zakaria)